

Peguam wakili Najib masih berada di London dan hanya pulang hari ini

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR

Perbicaraan kes pinda Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan Datuk Seri Najib Tun Razak di Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin ditangguhkan ke hujung bulan ini. Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Mustafa P Kunyalam berkata, ia berikutan peguam yang mewakili bekas Perdana Menteri itu masih berada di luar negara.

Katanya, mahkamah menetapkan perbicaraan kes yang dihadapi Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy bermula 28 Mac.

“Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib akan pulang ke tanah air dari London esok (Selasa).

“Selepas itu Muhammad Shafee akan menjalani tempoh kuarantin selama lima hari,”



NAJIB

ARUL KANDA

katanya selepas prosiding di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Catherine

Nicholas pada Isnin.

Ia turut disahkan oleh peguam, Datuk N Sivananthan yang mewakili Arul Kanda dan perbicaraan ditetapkan bermula 28 hingga 31 Mac ini.

D i f a h a m k a n , Muhammad Shafee ke London untuk mendapatkan khidmat peguam kanan atau *Queen's Counsel* (QC) dari United Kingdom.

Pada 24 Januari lalu, *Sinar Harian* melaporkan, Najib akan

memfailkan permohonan supaya QC dapat mewakilinya dalam prosiding pendengaran rayuan akhir berhubung hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta atas kesalahan menyeleweng dana SRC International Sdn Bhd.

QS ialah peguam kanan senior dan berpengalaman dari United Kingdom (UK).

Prosiding untuk mendengar permohonan itu di Mahkamah Persekutuan di Putrajaya dijangka berlangsung antara 20 hingga 24 Jun depan.

Bicara kes pinda Laporan Audit 1MDB ditangguh